



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

LANGKAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI BAGI MEMBENDUNG PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU DAN BERITA BERUNSUR HASUTAN

14 MEI 2020

-
1. Kebelakangan ini penyebaran maklumat palsu atau berita berunsur hasutan semakin berleluasa sehingga boleh mewujudkan suasana tidak tenteram khususnya apabila berita berkenaan menyentuh tentang isu-isu yang sensitif dalam kalangan masyarakat.
 2. Berdasarkan statistik, terdapat trend peningkatan kes pada tahun 2018 dan 2019 yang melibatkan kesalahan menghasut terhadap Institusi Diraja, kaum, agama dan hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang dilindungi oleh Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.
 3. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 9 kertas siasatan yang melibatkan kesalahan menghasut telah dibuka. Sebanyak 31 kertas siasatan pula dibuka pada tahun 2018, manakala 78 kertas siasatan lagi bagi tahun 2019. Jumlah kes yang disiasat ini menunjukkan peningkatan yang ketara pada setiap tahun.
 4. Terkini, sehingga 11 Mei 2020 sebanyak 262 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak berkuasa berkaitan penyebaran berita palsu berbaur hasutan yang menimbulkan keresahan rakyat. Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius perkara ini kerana boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

5. Bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara, KDN tidak akan teragak-agak mengambil tindakan menggunakan segala peruntukan perundangan sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 termasuk Akta Hasutan 1948.
6. KDN tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang dengan sengaja cuba mencetuskan provokasi atau mengganggu-gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Semua pihak dinasihatkan agar tidak mengeluarkan atau menyebarkan maklumat palsu atau berita berunsur hasutan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN

MENTERI

Kementerian Dalam Negeri

Putrajaya
